

13 DEC 2001

Mahathir-Beruntung (Bergambar)

GOLONGAN SUSAH DI MALAYSIA LEBIH BERUNTUNG

JITRA, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata golongan susah di negara ini kadangkala lebih beruntung jika dibandingkan dengan mereka yang senang.

"Golongan susah ini sentiasa mendapat perhatian kerajaan dan bantuan untuk mereka datang mencurah-curah," kata Dr Mahathir dalam ucapannya pada majlis terbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Aqla di sini.

Perdana Menteri berkata tidak cukup dengan bantuan kerajaan, golongan ini turut mendapat perhatian daripada dermawan di negara ini.

"Ramai dermawan menghulurkan bantuan seperti duit, bekalan makanan dan pakaian kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan ini juga turut mendapat perhatian daripada individu atau pihak swasta yang membantu mereka melalui penubuhan tabung atau dana tertentu.

Dr Mahathir berkata Malaysia berbeza daripada negara lain kerana masih mampu membina kemudahan infrastuktur untuk rakyat walaupun menghadapi kegawatan ekonomi.

"Kita turut menghadapi kegawatan ekonomi, tetapi masih mampu mengeluarkan modal untuk bina projek bagi kemudahan rakyat," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan ibubapa supaya berpesan kepada anak-anak mereka untuk menghargai ilmu.

"Ilmu dapat membangunkan umat Islam," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan kira-kira 2,000 penduduk tempatan.

-- BERNAMA

MAN LAT